

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1989/90

Jun 1990

FKF 332 Farmakokimia Hormonal

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Senaraikan kegunaan klinikal

- (i) Oksitosin
- (ii) ACTH
- (iii) Kalsitonin
- (iv) Spironolakton (Aldakton)

(6 markah)

(B) Bincangkan mekanisme tindakan

- (i) insulin untuk penyakit diabetes mellitus
- (ii) tiourasil dalam keadaan tirotoksikosis
- (iii) pil kontraseptif estrogen/progesteron

(14 markah)

2. (A) Berikan pengelasan hormon-hormon kortikosteroid dengan memberikan contoh-contoh.

(10 markah)

(B) Terangkan secara ringkas peringkat-peringkat biosintesis dan metabolisme androgen.

(10 markah)

3. (A) Bandingkan struktur histamina dengan struktur-struktur antagonis reseptor H_1 dan antagonis reseptor H_2 . Terangkan juga sifat-sifat fizikal sebatian-sebatian tersebut.

(10 markah)

- (B) (i) Terangkan taburan dan tempat-tempat penyimpanan histamina dalam manusia.

(5 markah)

- (ii) Terangkan kesan-kesan prostaglandin dan leukotrien terhadap otot bronkus.

(5 markah)

4. (A) Terangkan mekanisme tindakan kaptopril dalam rawatan

- (a) hipertensi
(b) kegagalan jantung kongestif kronik

(10 markah)

- (B) (i) Banding dan bezakan di antara keempat-empat kelas purgatif. Berikan contoh bagi setiap kelas serta bincangkan kegunaannya.

(5 markah)

- (ii) Bincangkan penyarafan uterus dan tindakan amina simpatetik terhadap uterus.

(5 markah)

5. (A) (i) Bincangkan ciri-ciri yang diperlukan untuk sesuatu antasid.

(5 markah)

- (ii) Bincangkan kesan-kesan analgesik dan anti-inflamasi salisilat serta kegunaannya di dalam penyakit gout.

(5 markah)

- (B) (i) Terangkan ciri-ciri umum yang terdapat pada struktur drug anestetik setempat dan lukiskan contoh yang sesuai.

(5 markah)

- (ii) Terangkan ciri-ciri struktur drug analgesik narkotik dan drug antagonis narkotik.

(5 markah)

6. (A) (i) Banding dan bezakan tindakan oksitosin, ergometrin dan prostaglandin terhadap uterus dan bincangkan kegunaan terapeutik ketiga-tiga drug di atas.

(5 markah)

...5/-

- (ii) Berikan satu contoh drug yang digunakan untuk melegakan serangan gout akut serta bincangkan mekanisme tindakan dan kesan farmakologinya.

(5 markah)

(B) Terangkan

- (i) prostaglandin daripada sudut kimia dan perbezaan struktur di antara prostaglandin-prostaglandin yang utama.

(5 markah)

- (ii) kaitan kimia asid-lemak-perlu dengan prostaglandin.

(5 markah)